

15 OCT 1998

MAHATHIR-BELANJAWAN/I

EKONOMI DIJANGKA TUMBUH 1.0 PERATUS PADA 1999, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan telah meramalkan pertumbuhan ekonomi 1.0 peratus bagi negara ini tahun depan.

Ini bermakna pemulihan 5.8 peratus berikutan ramalan pertumbuhan negatif 4.8 peratus bagi tahun ini.

Kerajaan akan menerima pakai belanjawan defisit bagi 1999, kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat dengan wakil-wakil Barisan Nasional menjelang persidangan belanjawan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, di bangunan Parlimen, di sini.

"Tentunya Belanjawan 199 akan dipengaruhi oleh situasi ekonomi yang tidak sihat dan kita akan mempunyai belanjawan defisit bagi tahun depan," tambahnya.

"Perkara-perkara utama (belanjawan ini) adalah kita percaya ekonomi akan tumbuh 1.0 peratus walaupun tahun ini kita akan mengalami pertumbuhan negatif 4.8 peratus. Ini bermakna kita akan mengalami pemulihan 5.8 peratus," tambahnya.

Sebagai tambahan, Dr Mahathir berkata kerajaan merancang untuk memperbaiki kedudukan kewangan negara dan memperhebat langkah-langkah pemulihan ekonomi menerusi langkah-langkah kewangan dan fiskal.

"Langkah-langkah belanjawan dibuat untuk merangsang ekonomi. Jadi beberapa langkah percukaian akan diperkenalkan tetapi yang utamanya adalah dasar-dasar fiskal ini akan menyumbang kepada rangsangan ekonomi.

"Akan ada cukai-cukai baru, tetapi bukan sesuatu yang akan membebankan rakyat," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

TM JR OS